

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: 14 Februari 2017 13:37
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Ariffin bin Abdul Mutalib
Subject: UUM DAN TELKOM UNIVERSITY ANJUR 'YOUTH SEMINAR ON LEADERSHIP COMMUNICATION 2017' (YSLC 2017) DI BANDUNG, INDONESIA



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**

SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION

Universiti Utara Malaysia

14 FEBRUARI 2017/17 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

**UUM DAN TELKOM UNIVERSITY ANJUR 'YOUTH SEMINAR ON LEADERSHIP COMMUNICATION 2017'
(YSLC 2017) DI BANDUNG, INDONESIA**



SMMTC ONLINE: BANDUNG, Indonesia: Setelah berjaya menganjurkan ASEAN University Conference on Public Relations and Communication (APRC) pada 18-20 November 2016, Institute of Public Relations Malaysia Student Association (IPRMSA) – UUM Chapter sekali lagi mencatat sejarah dengan menganjurkan seminar bersama yang bertajuk Youth Seminar on Leadership Communication 2017' (YSLC 2017) di Bandung, Indonesia pada 25 Januari 2017. Seminar ini dianjurkan dengan kerjasama Fakultas Komunikasi dan Bisnis, Telkom University, Bandung.

Delegasi IPRMSA UUM di sertai oleh 11 orang mahasiswa termasuk 3 orang pensyarah. Seminar ini turut disertai oleh 50 orang mahasiswa dan 8 orang pensyarah Telkom University. Dr. Jafar Sembiring, Dekan Fakultas Komunikasi dan Bisnis dalam ucapan alu-aluannya menyeru akan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi manfaat kedua-dua pihak. Kerjasama antara UUM dan Telkom University telah berlangsung lama dengan pelbagai program termasuk program mobility ber kredit dan tidak ber kredit, 'matching grant' dan seminar. Beliau menganggap UUM adalah rakan strategik yang paling berjaya bagi Telkom University dengan kejayaan pelbagai program bersama.

Tiga orang mahasiswa UUM termasuk seorang mahasiswa peringkat PhD membentangkan kertas kerja masing-masing dalam seminar ini. Manakala, Telkom University diwakili oleh Dr. Jafar Sembiring dan Dr. Ayub Ilfandy Imran sebagai pembentang. Tema seminar yang memfokuskan terhadap kemahiran kepimpinan dalam diri mahasiswa. Perkongsian hasil kajian setiap pembentang menarik minat peserta untuk membahaskan isu ini sepanjang seminar berlangsung. Dr. Syarizan Dalib, selaku penasihat persatuan IPRMSA-UUM dan juga ketua delegasi berkata "program seperti ini amat bagus dilakukan kerana ia mengalakkan mahasiswa untuk bertukar pendapat dengan mahasiswa dari universiti lain. Kebanyakan mahasiswa hanya tertumpu melakukan program di dalam negara sahaja. Program seperti ini juga turut memberi manfaat antara universiti seperti merangka program pertukaran pelajar".

Manakala Indra Novianto Adibayu Pamungkas, selaku pengarah program seminar bersama dari Telkom University amat mengalu-alukan program seperti ini kerana ia dapat memberi manfaat kepada mahasiswa dari kedua-dua negara. Beliau juga berharap program seperti ini akan diadakan lagi pada masa akan datang.

Delegasi UUM turut disertai oleh Dr. Nik Adzrieman Abdul Rahman, Ketua Jabatan Komunikasi dan Dr. Bahtiar Mohamad, Penyelaras Program Pascasarjana, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi. Perbincangan lanjut berkaitan kerjasama antara UUM dan Telkom University turut diadakan antara kedua-dua pihak. Agenda perbincangan termasuk pertukaran pelajar, program 'double degree', penganjuran seminar bersama dan 'matching grant'. Pihak Telkom University berharap beberapa kerjasama yang telah dirancang dapat dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2017.

Habis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.